

RINGKASAN EKSEKUTIF

CADANGAN	:	Pelaksanaan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – Malaysia Productivity Blueprint (SPPE-MPB) 2020
TARIKH / TAHUN	:	Tahun 2020
PERUNTUKAN	:	Tahun 2020 : RM7,000,000.00 Baki 2019 : <u>RM1,276,539.47</u> : RM8,276,539.47 (Bajet Pembangunan RMK11: SPPE)
JABATAN / CAWANGAN/ UNIT	:	MPC Wilayah Tengah (CRO)
IMPAK KEPADA RAKYAT	:	1. Meningkatkan daya saing dan produktiviti di peringkat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). 2. Melahirkan syarikat contoh yang boleh meningkatkan produktiviti dan daya saing yang tinggi dan dijadikan sebagai Tanda Aras.
LEBIHAN PERUNTUKAN / TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS KANAN PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN

Tajuk:

Pelaksanaan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) Bagi Tahun 2020

1.0 Tujuan

Tujuan kertas kerja ini untuk memaklum dan mendapat pertimbangan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC bagi meluluskan pelaksanaan Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB) dengan peruntukan sebanyak RM7Juta bagi tahun 2020. Skim ini akan dilaksanakan di bawah bajet pembangunan yang telah diluluskan dalam Rolling Plan 2 (RP2) Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11).

2.0 Latar belakang

- 2.1 Pada Rolling Plan 2 (RP2) Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), MPC melalui Central Region Office (CRO) telah memohon bajet pembangunan bagi menjalankan program yang dinamakan sebagai Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB).
- 2.1 Unit Perancang Ekonomi (EPU), melalui surat yang diperolehi dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bertarikh 24 Oktober 2016 telah memaklumkan mengenai permohonan bajet bagi menjalankan skim tersebut telah diluluskan.
- 2.3 Peruntukan sebanyak RM3.22 juta (125 Syarikat) telah disalurkan pada tahun 2017 dan RM6 juta pula telah disalurkan pada tahun 2018 (150 syarikat) dan RM5.95 juta 2019 (150 syarikat). Manakala bagi tahun 2020, sebanyak RM7 juta akan diterima oleh MPC bagi melaksanakan intervensi kepada 175 syarikat PKS yang akan dikenalpasti. Ini menjadikan jumlah keseluruhan yang mendapat manafaat hasil daripada intervensi di bawah SPPE-MPB adalah sebanyak 600 syarikat (RMK11).

3.0 Kaedah Pelaksanaan

- 3.1 Skim ini melibat 3 fasa pelaksanaan iaitu (i) FASA 1: Pemilihan, Promosi & Pra-diagnostik; FASA 2: Intervensi dan FASA 3: *Post-Diagnostik*, Pemilihan syarikat contoh & perkongsian amalan terbaik. (Rujuk Jadual 1 dan Lampiran 1).
- 3.2 Bagi tahun 2020, jumlah syarikat yang disasarkan adalah sebanyak 175 syarikat.

- 3.3 Kriteria pemilihan syarikat bagi menyertai skim SPPE-MPB dan pemilihan syarikat contoh adalah seperti di Lampiran 2.
- 3.4 Agihan peruntukan mengikut fasa (bagi setiap syarikat yang menyertai) adalah sebagaimana permohonan kepada pihak EPU seperti Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Aktiviti dan Pecahan Peruntukan SPPE*

Bil.	Aktiviti	Peruntukan (RM)
FASA 1: Pemilihan, Promosi & Pra-diagnostik		
1	Pemilihan Syarikat / <i>Engagement</i> / Promosi	1,000
2	Program CEO Pemacu Organisasi	2,000
3	Pra-Diagnostik	2,000
FASA 2: Intervensi		
4	Intervensi (Kursus dan Lawatan Perundingan)	29,500
5	Pemantauan	500
6	Pembelajaran Sepanjang Hayat	1,000
FASA 3: Post-Diagnostik, Pemilihan Syarikat Contoh & Perkongsian Amalan Terbaik		
7	Post-Diagnostik	2,000
8	Pemilihan syarikat contoh dan perkongsian amalan terbaik	2,000
Jumlah Peruntukan Setiap Syarikat (RM)		40,000

***Nota: Sepertimana diluluskan oleh Mesyuarat BOM Bil. 1/2017**

3.5 Skim ini akan dilaksanakan seperti pendekatan berikut:

- a. Kolaborasi bersama *Productivity Nexus* (PN) di mana sembilan Nexus akan mendapatkan sebanyak 90 syarikat (51%) berdasarkan sasaran yang ditetapkan (rujuk Jadual 2).
- b. Manakala baki sebanyak 85 syarikat (49%), pelaksanaannya akan dikendalikan sendiri oleh pihak CRO dan pejabat-pejabat wilayah yang lain.

Jadual 2: Agihan Bilangan Syarikat Mengikut Subsektor**

Bil.	Sub-sektor	Bil. Syarikat yang dikendalikan		Jumlah Syarikat	Anggaran Kos (RM40,000/ syarikat) (RM)
		MPC	Nexus		
1.	Peruncitan	15	15	30	1,200,000
2.	Kimia & Produk Kimia	10	10	20	800,000
3.	<i>Agro Food</i>	15	15	30	1,200,000
4.	Elektrik & Elektronik	10	10	20	800,000
5.	<i>Jentera dan Kelengkapan</i>	10	10	20	800,000
6.	<i>Pelancongan</i>	10	10	20	800,000
7.	<i>ICT</i>	10	10	20	800,000
8.	<i>Khidmat Profesional</i>	5	5	10	400,000
9.	<i>Penjagaan kesihatan</i>	-	5	5	200,000
Jumlah		85	90	175	7,000,000

****Nota: Sepertimana diluluskan oleh Mesyuarat BOM Bil. 112/2018**

- 3.6 Pembekal perkhidmatan MPC akan digunakan dalam pelaksanaan aktiviti diagnostik dan intervensi. Kadar pakej bayaran yuran profesional meliputi penginapan penceramah dan tambang pengangkutan (pergi dan balik) ke tempat program. Kadar bayaran adalah sama sepertimana yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan MPC seperti di Lampiran 3.
- 3.7 Pelaksanaan pra-diagnostik (Fasa 1) dan post-diagnostik akan dilaksanakan oleh MPC dan/atau pembekal perkhidmatan bagi semua 175 syarikat.
- 3.8 Baki peruntukan bagi setiap aktiviti (setelah ditolak bayaran kepada pembekal) akan dipohon oleh pejabat wilayah berkaitan untuk dijadikan sebagai yuran pengurusan. Aktiviti tersebut meliputi pemilihan syarikat,

kem pembudayaan, pre dan post diagnostik, intervensi, pemantauan dan pembelajaran berterusan.

- 3.9 Bagi tujuan mengawal perbelanjaan peruntukan skim ini, tuntutan yuran pengurusan secara berfasa akan dilaksanakan iaitu setelah aktiviti berkaitan disempurnakan. Tuntutan kontra hasil akan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan mengikut prosedur yang ditetapkan.
- 3.10 Sistem tadbir urus bagi skim akan dijalankan secara telus dan efektif. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal yang telah diwujudkan dan amalan ini sejak pelaksanaan SPPE 2017 lagi. Ia bagi memastikan pemilihan dan pelaksanaan skim ini di semua syarikat dilaksanakan dengan berkesan dan mengikut jadual yang ditetapkan seperti di Lampiran 4.

4.0 Yuran Penyertaan

- 4.1 Kadar yuran penyertaan yang akan dikenakan adalah dicadangkan untuk mengikut saiz syarikat seperti Jadual 3.

Jadual 3: Yuran Penyertaan Syarikat***

Kadar	Saiz Syarikat	Yuran Penyertaan
A	Sederhana	RM5,000
B	Kecil	RM2,000

***Nota: Sepertimana diluluskan oleh Mesyuarat BOM Bil. 112/2018

5.0 Peruntukan dan Unjuran Perbelanjaan SPPE 2019

- 5.1 Perancangan dan unjuran perbelanjaan adalah sebagaimana maklumat di dalam Lampiran 5. Perancangan tersebut adalah bagi memastikan aktiviti yang dirancang dapat dilaksana dengan berkesan dan mencapai KPI ditetapkan. Tahap perbelanjaan akan dipantau secara bulan dan prestasinya akan dilaporkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JKTP).

6.0 Bidang Intervensi

- 6.1 Bidang intervensi berikut akan dijadikan tumpuan bagi SPPE 2020:

1.	Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S
2.	Pengurusan Lean
3.	<i>Digitalisation</i> atau intervensi berkaitan I4.0
4.	Penambahbaikan proses (melalui ICC/TE, Six Sigma, Kaizen, dll.)
5.	Lain-lain (TPM, PLWS, <i>Business Excellence</i>)

7.0 Perancangan Peruntukan Bilangan Syarikat Mengikut Pejabat Wilayah

- 7.1 Cadangan agihan bilangan penyertaan, peruntukan setiap syarikat dan jumlah peruntukan diuruskan mengikut Pejabat Wilayah adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual 4.

Jadual 4: Agihan Bilangan Syarikat dan Peruntukan Bajet Mengikut Pejabat Wilayah****

No.	Wilayah/Pejabat	Bil. Syarikat disasarkan	Peruntukan per syarikat (RM)	Jumlah Peruntukan Diuruskan (RM)
1	CRO	85	RM40,000	3,400,000
2	NRO	18	RM40,000	720,000
3	SRO	18	RM40,000	720,000
4	ECR	18	RM40,000	720,000
5	SKO	18	RM40,000	720,000
6	SBO	18	RM40,000	720,000
JUMLAH		175		7,000,000

***Nota: Sepertimana diluluskan oleh Mesyuarat BOM Bil. 112/2018

- 7.2 Setiap Pejabat Wilayah bertanggungjawab untuk menguruskan peruntukan tersebut dan *accountable* terhadap prestasi perbelanjaan masing-masing. Tahap perbelanjaan dan kemajuan pelaksanaan hendaklah dilaporkan kepada Sekretariat SPPE secara berkala.

8.0 Unjuran Hasil

- 8.1 Unjuran hasil yang akan diperolehi oleh MPC melalui pelaksanaan SPPE 2020 adalah bagi aktiviti diagnostik (RM2,000 per diagnostik), yuran pengurusan intervensi (purata RM9,000 setiap projek iaitu baki antara peruntukan intervensi dengan bayaran kepada pembekal) dan yuran komitmen dari syarikat (RM2,000 per syarikat). Unjuran hasil tersebut adalah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 5.

Jadual 5: Bilangan Projek dan Unjuran Hasil*****

No.	Wilayah/Pejabat	Bil. Sykt	Unjuran Hasil				Jumlah (RM)
			Pra-Diagnostik (RM)	Intervensi (RM)	Post-Diagnostik (RM)	Yuran Penyertaan (RM)	
1	CRO	85	170,000	765,000	170,000	170,000	1,275,000
2	NRO	18	36,000	162,000	36,000	36,000	270,000
3	SRO	18	36,000	162,000	36,000	36,000	270,000
4	ECR	18	36,000	162,000	36,000	36,000	270,000
5	SKO	18	36,000	162,000	36,000	36,000	270,000
6	SBO	18	36,000	162,000	36,000	36,000	270,000
JUMLAH		175	350,000	1,575,000	350,000	350,000	2,100,000

*****Nota: Sepertimana diluluskan oleh Mesyuarat BOM Bil. 112/2018

9.0 Prestasi Kewangan Tahun 2019

Berikut pula adalah Laporan Prestasi Perbelanjaan Bajet sehingga 31 Disember 2019 oleh pihak kewangan MPC seperti berikut;

Jadual 6 : Penyaluran dan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2019

Penyaluran 2019	Baki Peruntukan 2018	Perbelanjaan 2019	Baki Belum Belanja 2019
RM5,932,000	RM1,120,102.48	RM5,843,563.01	RM1,276,539.47

Oleh itu, pihak sekretariat SPPE juga memohon supaya baki belum belanja tahun 2019 iaitu sebanyak RM1,276,539.47 dibawa dan dibelanjakan bagi tahun 2020.

Baki belum belanja adalah disebabkan:

- Sebanyak 30 syarikat belum menamatkan intervensi
- Sebahagian aktiviti post BE, program graduasi, pemilihan syarikat contoh dan promosi tidak dijalankan sepenuhnya pada tahun 2019

10.0 Penutup

Lembaga Pengurusan (BOM) MPC adalah dipohon untuk mengambil maklum dan meluluskan perkara berikut;

- Pelaksanaan SPPE bagi tahun 2020 dengan menjalankan intervensi kepada 175 syarikat PKS terpilih dengan menggunakan Peruntukan Pembangunan sebanyak RM7Juta.
- Peruntukan Belum Belanja 2019 sebanyak RM1,276,539.47 di bawa ke tahun 2020.

Disediakan oleh : Abdul Malek Mohamad Aripin
Pengurus CRO

Disemak oleh : Zainudin Elias
Timbalan Pengarah CRO

Disahkan oleh : Rosmi Abdullah
Pengarah CRO

Tarikh : 20 Januari 2020

Fasa Pelaksanaan Program SPPE-MPB 2020[#]



FASA 1 (Pra-Diagnostik):

- Enterpris akan melalui diagnostik projek peningkatan produktiviti dan inovasi.
- Proses *engagement* dan pemilihan.
- Pra-diagnostik menggunakan kaedah PGM dan/atau BE/SCORE

FASA 2 (Intervensi):

- Pelaksanaan aktiviti intervensi dan pemantauan kemajuan projek.
- Intervensi mengikut bidang (contoh: penambahbaikan proses dan teknologi).

FASA 3 (Pengukuran dan Syarikat Contoh):

- Pengukuran tahap pencapaian produktiviti dan inovasi.
- Post-Diagnostik (PGM dan BE/SCORE)
- Pemilihan syarikat contoh (berdasarkan kriteria yang ditetapkan)
- Perkongsian amalan terbaik.

[#]Nota: Sepertimana diluluskan oleh Mesyuarat BOM Bil. 1/2017

#

Kriteria Pemilihan Syarikat bagi Menyertai Program SPPE-MPB^{##}

- a. Syarikat adalah berdaftar dengan SSM;
- b. Memiliki lesen perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan telah menjalankan operasi sekurang-kurangnya 2 tahun;
- c. Mempunyai minat yang mendalam dan bersetuju menyertai skim;
- d. Bersetuju untuk membayar yuran penyertaan sebanyak RM5,000/syarikat bagi perusahaan sederhana dan RM2,000/syarikat bagi perusahaan kecil;
- e. Mempunyai potensi peningkatan produktiviti;
- f. Bersetuju untuk menyertai program perkongsian amalan terbaik; dan
- g. Syarikat perlu mengemukakan permohonan menggunakan borang penyertaan.

Kriteria Pemilihan Syarikat Contoh bagi SPPE-MPB

- a. Kadar pertumbuhan produktiviti melebihi purata industri;
- b. Pencapaian cemerlang dalam indikator prestasi operasi;
- c. Markah Post-Assessment BE melebihi 600 atau SCORE sekurang-kurangnya 4 bintang; dan
- d. Menunjukkan daya saing yang tinggi.

^{##}Nota: Sepertimana diluluskan oleh Mesyuarat BOM Bil. 1/2017

**Kadar Pakej Bayaran Profesional kepada Pembekal Latihan dan
Pembangunan Sistem (PLPS)**

Zon	Kawasan / Negeri	Kadar Bayar (Sehari)	
		Latihan	Lawatan Perundingan
A	Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka	RM1,700	RM1,300
B	Pahang, Perak, Perlis, P. Pinang, Kedah, Kelantan, Trengganu, Johor	RM2,000	RM1,800
C	Sabah, Sarawak	RM2,500	RM2,200

(seperti mana diluluskan oleh Mesyuarat BOM Bil 1/2017)

Sistem Tadbir Urus Pelaksanaan SPPE-MPB

1. Jawatankuasa Pemandu bagi menentukan halatuju dan pemantauan aktiviti PC.
2. Jawatankuasa Teknikal (Pemilihan, Pemantauan & Pelaporan) untuk memilih syarikat peserta, memantau dan melapor kemajuan projek kepada J/K Pemandu, Agensi Pusat, Lembaga Pengurusan MPC dan J/K Tindakan Pembangunan MPC dan bermesyuarat pada kekerapan 4 kali setahun.
3. Bekerjasama bersama Productivity Nexus.
4. MOA ditandatangani antara MPC dan Rakan Strategik untuk penyaluran peruntukan dan pelaksanaan projek.

(seperti mana diluluskan oleh Mesyuarat BOM Bil 1/2017)

DERAF PERANCANGAN PERUNTUKAN SPPE-MPB BAGI 2020

		B	C	D	E			Q1	Q2	Q3	Q4	Jumlah 3 (jumlah hasil)	PK
Aktiviti		Kuantiti	Kadar	Unit ukuran	Jumlah 1 (B x C)	Catatan							PK
1	Mendapatkan 175 wakil dari masyarakat SPPE	175	sekalat										
2	Post diagnostik BE SPPE 2019 oleh pembekal	60	1,000	per variflat	78,000	Bagi SPPE 2019		78,000					Secretariat Suzana & Team
3	Program promosi SPPE 2020 : 5 CRO, 1 bagi setiap pel. Wilayah tim. 2 tim	12	15,000	program	180,000	5 bagi CRO, 1 program setiap wilayah selain CRO, 2 untuk Unit RM bagi program in QE		90,000	90,000				Secretariat
4	Isi dari BE SPPE 2019 (Kontra oleh Pejabat Wilayah)	20	700	per variflat	14,000	Unjuran hasil		14,000					Secretariat
5	Pre diagnostik BE SPPE 2020	75	1,300	per variflat	97,500	CRO sebagai		40,000	57,500			14,000	Suzana & Team
6	Pre diagnostik BE SPPE 2020 (Kontra oleh CRO)	75	700	per variflat	52,500	Unjuran hasil		40,000	12,500			52,500	Suzana & Team
7	Pre diagnostik BE SPPE 2020 (Kontra oleh Pejabat Wilayah)	100	2,000	per variflat	200,000	Unjuran hasil		50,000	150,000	50,000		200,000	Suzana & Team
8	Program CEO Pemacu Organisasi	10	28,000	per program	280,000	5 bagi CRO & 1 bagi setiap pejabat wilayah bhn.		60,000	150,000	130,000			Secretariat
9	Intervensi - Iliryan for PLPS	175	20,000	per variflat	3,500,000			1,000,000	2,500,000				Secretariat
10	Intervensi - Yuran pengurusan (2019 & 2020)	175	9,000	per variflat	1,575,000	Unjuran hasil		400,000	550,000	450,000	205,000	1,645,000	Secretariat/ PK Projek
11	Program pembelajaran berterusan	175	1,000	per variflat	175,000	Unjuran hasil, meliputi penyertaan seperti kursus, konvensyen, program forum CEO, program Loan CREANOVA dll.		30,000	50,000	50,000	45,000		Asmawati/ PK Wilayah
12	Program variflat contoh	60	1,000	per variflat	60,000				30,000	30,000		175,000	Saliza & Team
13	Program perkongsian amalan terbaik	600	500	per variflat	300,000	6 siri program (1 siri bagi setiap wilayah termasuk CRO)		100,000	100,000	100,000			Saliza & Team
14	Program mudi pembelajaran untuk variflat contoh	60	30,000	per variflat	600,000	Melibatkan variflat contoh			200,000	200,000	200,000	600,000	Saliza & Team
15	Majlis graduan	600	400	per variflat	240,000	6 program berasingan, 1 program bagi setiap pejabat wilayah.		20,000		120,000			Saliza & Team
16	Kajian impak SPPE-MPB	1	70,000	per kajian	70,000					70,000			Mohd Ikham
17	Sal PSH	35	4,500	per org per bulan	157,500	3 orang x 12 bulan		40,500	40,500	40,500	40,500		Kewangan
18	Berbeli perancangan strategi SPPE	2	25,000	per program	50,000			25,000	25,000				Secretariat
19	Post diagnostik BE SPPE 2020 (Kontra oleh pejabat wilayah)	100	2,000	per variflat	200,000	Unjuran hasil				100,000	100,000	200,000	Suzana & Team
20	Post diagnostik BE SPPE 2020	75	2,000	per variflat	150,000					75,000	75,000	150,000	Suzana & Team
21	Penerbitan buku Amalan terbaik SPPE	1	30,000	per program	30,000					50,000			Samarul
22	Kontra yuran jumlah in CP/55	40	2,300	per variflat	112,000	Unjuran hasil, terdapat antara 20-30 projek QE/55 setahun		22,000	22,000	22,000	40,000	112,000	Maznee
Bekas promosi		1000	61	sekalat	61,000			30,250	30,250				
				Jumlah 2	8,276,539			2,099,750	3,507,750	1,467,500	807,500	3,148,500	
				Varian/Baki	39			2,099,750	6,007,500	7,475,000	8,276,500		
				Peratus	100.0%								
Baki 2019 (terletak 31 Dis 2019)													
Peruntukan 2020													
Jumlah 1													
Catatan													
1 Yuran pengurusan SPPE 2019													
2 Kadar terbitan penubuhan.													
3 Kespertuan untuk melantik PK bagi setiap aktiviti.													

- 1 Yuran pengurusan SPPE 2019
2 Kadar terbitan penubuhan.
3 Kespertuan untuk melantik PK bagi setiap aktiviti.